

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ B. MUSA (SIPITANG)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [ SIPITANG ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah PATI yang dihantar pulang ke negara asal masing-masing sejak awal tahun ini, dan bagaimana Kerajaan menangani isu kebanjiran pendatang asing di negara ini, terutama di Sabah menjadi isu hangat sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah adalah dengan menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas PATI di Sabah melalui operasi yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Sebanyak 720 operasi telah dilaksanakan di negeri Sabah oleh Jabatan Imigresen Malaysia dari 1 Januari sehingga 23 Oktober 2020 yang mana 16,720 orang warganegara asing diperiksa dan daripada jumlah tersebut, seramai 1,840 PATI serta 24 orang majikan telah ditangkap atas pelbagai kesalahan. Kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah penghantaran pulang yang dilaksanakan bermula dari 1 Januari hingga 23 Oktober 2020 yang berjumlah 6,782 orang melibatkan PATI dari negara Filipina, Indonesia dan lain-lain.

## SOALAN NO : 15

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum juga, Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) telah ditubuhkan oleh Kerajaan susulan daripada syor Suruhanjaya Siasatan Diraja (*Royal Commission of Inquiry* - RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah bertujuan untuk mengkaji dan membincangkan isu berkaitan pendatang dan orang asing di Sabah.

Komposisi JKPWAS yang merangkumi JKPWAS Induk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Dalam Negeri dengan YAB Ketua Menteri Sabah serta JKPWAS Teknikal yang dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah merupakan platform terbaik bagi mencari penyelesaian berkenaan pengurusan pendatang dan orang asing di Sabah. Ini adalah kerana keahlian kedua-dua Jawatankuasa tersebut yang merangkumi penglibatan Jabatan/Agensi/Bahagian peringkat Persekutuan dan Negeri seperti Jabatan Ketua Menteri (JKM) Sabah, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta beberapa Jabatan/Agensi yang lain.

Jawatankuasa ini sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya termasuklah berhubung isu pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun.